

Latihan Imbuhan.

Hasry dan Remy telah berkawan baik sejak dari darjah satu lagi. Setiap hari, ibu Remy akan ____ (1) ____ mereka ke sekolah. Pada sebelah petangnya pula, mereka akan ____ (2) ____ pulang oleh ayah Hasri.

Pada tahun lepas, Remy telah ____ (3) ____ ke Pasir Ris. Ketika ayahnya memberitahunya akan ____ (4) ____ mereka, Remy berasa sedih sekali.

“Hasri, kita tidak dapat bersama-sama lagi kerana ayah akan ____ (5) ____ kami sekeluarga akan menetap di Pasir Ris.”

“Mengapa awak bersedih Remy? Pasir Ris bukannya jauh dari Tampines. Kita masih boleh berjumpa pada cuti sekolah,” kata Hasri yang sedang cuba ____ (6) ____ hati sahabat baiknya.

“Betul juga, bila-bila sahaja kita boleh ____ (7) ____ MRT untuk bertemu.” Keriangan mula terpancar kembali di wajah kedua-dua rakan karib ini.

1	(a) dihantar	(b) terhantar	(c) menghantar	(d) menghantari
2	(a) dijemput	(b) jemputan	(c) menjemput	(d) terjemput
3	(a) berpindah	(b) dipindahkan	(c) memindah	(d) terpindah
4	(a) merancang	(b) rancangan	(c) dirancang	(d) dirancangan
5	(a) membawa	(b) dibawa	(c) terbawa	(d) membawakan
6	(a) gembira	(b) bergembira	(c) gembirakan	(d) menggembirakan
7	(a) menaiki	(b) menaikkan	(c) dinaiki	(d) ternaik

Latihan Peribahasa

Anak angkat		Melakukan perkara yang menyenangkan.
Ambil hati		Mencurahkan kasih sayang sepenuhnya.
Alah bisa, tegal biasa		Anak orang lain yang dipelihara seperti anak sendiri.
Bagai menatang minyak yang penuh		Perkara yang sudah menjadi biasa, bukan lagi satu kesusahan.